Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2024, Volume 9, Issue 7, e002875
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i7.2875

RESEARCH ARTICLE

Keberkesanan Modul Intervensi Kemahiran Asas Bacaan Al-Quran dalam kalangan Kanak-Kanak di Malaysia

(The Effectiveness of Basic Quran Reading Skills Intervention Module among Children in Malaysia)

Aminah Mat Yusoff[1], Mohd Hisyam Abdul Rahim[2*]
Nur Zainatul Nadra Zainol[3] Hisham Mat Salleh[4]

[1]Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400, Batu Pahat, Johor, Malaysia.
Email: gl190015@student.uthm.edu.my
[2]Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400, Batu Pahat, Johor, Malaysia.
Email: mdhisyam@uthm.edu.my
[3]Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400, Batu Pahat, Johor, Malaysia.
Email: nadra@uthm.edu.my
[4]Jabatan Mekanikal dan Pembuatan Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Malaysia, 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia.
Email: hisham.matsalleh@jtm.gov.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Mohd Hisyam Abdul Rahim (mdhisyam@uthm.edu.my)

KATA KUNCI:
Kemahiran asas membaca al-Qur'an
Model As'ad Humam
Kanak-kanak

KEYWORDS:
Module for Basic Quranic Reading Skills
As'ad Humam Model
Children

CITATION:
Aminah Mat Yusoff, Mohd Hisyam Abdul Rahim, Nur Zainatul Nadra Zainol & Hisham Mat Salleh. (2024). Keberkesanan Modul Intervensi Kemahiran Asas Bacaan Al-Quran dalam kalangan Kanak-Kanak di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 9*(7), e002875. https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i7.2875

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan modul intervensi kemahiran asas bacaan al-Quran (Meta-Siqra') yang berasaskan model Iqra' As'ad Humam. Tujuannya adalah menghasilkan modul yang memenuhi keperluan pembelajaran kanak-kanak yang tercicir. Isu utama dalam kajian ini ialah kurangnya kemahiran asas bacaan al-Quran di kalangan kanak-kanak. Menurut data daripada e-Pelaporan kebangsaan 2020, 2.08 peratus kanak-kanak berusia 10 hingga 12 tahun diklasifikasikan sebagai buta huruf, manakala 68.7 peratus kanak-kanak tidak dapat membaca ayat al-Quran dengan sempurna. Faktor-faktor utama yang dikenal pasti termasuk kelemahan dalam kemahiran membaca al-Quran, pengajaran yang kurang berkesan, penekanan terhadap kualiti bacaan al-Quran yang tidak mencukupi, dan kurangnya konsistensi dalam membaca al-Quran di rumah. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk membentuk dan membangunkan modul intervensi (Meta-Siqra') dan menilai keberkesanannya terhadap kanak-kanak. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui ujian pra dan pos, dengan melibatkan 400 sampel kanak-kanak yang tercicir dalam bacaan al-Quran. Data yang dianalisis menggunakan SPSS versi 27.0 menunjukkan peningkatan yang signifikan, dengan purata peningkatan sebanyak 1.46 mata. Ini membuktikan bahawa modul ini berkesan dalam meningkatkan tahap penguasaan kanak-kanak terhadap kemahiran asas bacaan al-Quran.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

ABSTRACT

This study aims to introduce the Meta-Siqra' intervention module, which is based on the Iqra' As'ad Humam model, focusing on fundamental Quranic reading skills. The objective is to produce a module that meets the learning needs of underprivileged children. The main issue addressed in this study is the lack of basic Quranic reading skills among children. According to data from the national e-Reporting 2020, 2.08 percent of children aged 10 to 12 were classified as illiterate, while 68.7 percent of children were unable to read Quranic verses perfectly. Key factors identified include weaknesses in Quranic reading skills, ineffective teaching, insufficient emphasis on the quality of Quranic reading, and lack of consistency in Quranic reading at home. Therefore, the objectives of this study are to develop and design the Meta-Siqra' intervention module and evaluate its effectiveness for children. This study employs a quantitative approach through pre and post-tests, involving 400 children who are lagging in Quranic reading. Data analyzed using SPSS version 27.0 show a significant improvement, with an average increase of 1.46 points. This demonstrates that the module is effective in enhancing children's mastery of basic Quranic reading skills.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menghasilkan modul intervensi yang berpotensi untuk membantu kanak-kanak yang keciciran dalam penguasaan kemahiran asas bacaan al-Quran. Modul ini bertujuan untuk menangani masalah pembelajaran dan memberikan sokongan tambahan kepada kanak-kanak yang tertinggal dalam pembelajaran al-Quran.

1. Pengenalan

Sejak Islam menjadi agama dominan di dunia, umat Islam telah melaksanakan banyak aktiviti keagamaan, amalan bacaan, doa, dan zikir dalam bahasa Arab. Walaupun al-Quran telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa, umat Islam tetap mengekalkan penggunaan bahasa Arab dalam pembacaan teks suci ini. Mereka tidak hanya menekankan keperluan praktikal, tetapi juga menjunjung tinggi prinsip dan keutamaan sebagai pengikut agama Islam. Sebagai agama terbesar di dunia dengan hampir satu perlima daripada jumlah penduduk dunia sebagai penganutnya, Islam memiliki ciri unik dengan adanya arca dan tulisan yang diwarisi secara turun-temurun. Walaupun umat Islam menggunakan pelbagai bahasa dalam kehidupan seharian, mereka tetap menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa utama dalam aspek keagamaan dan spiritual dalam amalan serta ibadah mereka (Hackett, et al., 2015).

Bhasah et al. (2012) telah menganalisis bahawa aspek pembelajaran al-Quran masih belum mantap dan memerlukan usaha yang lebih berkesan. Walaupun banyak kajian telah dilakukan dan beberapa penambahbaikan dicadangkan untuk mengatasi masalah ini, masih terdapat faktor-faktor yang menyebabkan keciciran dalam pembelajaran al-Quran. Azarudin dan Azman (2017) menjelaskan bahawa kekurangan kepakaran dalam kalangan individu yang mengajar pendidikan awal membaca asas kalimah al-Quran merupakan salah satu faktor utama keciciran. Selain itu, jadual sekolah yang terhad menyebabkan

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kanak-kanak sukar mempelajari al-Quran dengan berkesan. Kekurangan penekanan terhadap kualiti bacaan al-Quran, makhraj huruf, dan hukum tajwid juga menjadi isu penting yang perlu diselesaikan. Sikap ibu bapa yang kurang memberi perhatian terhadap kepentingan membaca al-Quran di rumah turut menyumbang kepada masalah ini. Oleh itu, pelbagai pihak perlu berusaha dengan lebih serius untuk meningkatkan kualiti pembelajaran al-Quran. Ini termasuk peningkatan kepakaran guru, penekanan kepada aspek kualiti bacaan dan tajwid, serta penglibatan aktif ibu bapa dalam menyokong pembelajaran al-Quran di rumah.

Kesimpulannya, usaha untuk meningkatkan kualiti pembelajaran al-Quran dalam kalangan kanak-kanak memerlukan komitmen yang berterusan dan strategik dari pelbagai pihak. Analisis yang dilakukan oleh Bhasah et al. (2012) serta Azarudin dan Azman (2017) telah mengenal pasti beberapa kelemahan utama dalam sistem pendidikan al-Quran, termasuk kekurangan kepakaran guru, keterbatasan masa dalam jadual sekolah, dan kurangnya penekanan terhadap kualiti bacaan serta hukum tajwid. Selain itu, sikap ibu bapa yang tidak menekankan kepentingan membaca al-Quran di rumah turut menyumbang kepada keciciran dalam pembelajaran ini.

Oleh itu, tindakan segera perlu diambil untuk mengatasi masalah ini dengan meningkatkan kepakaran tenaga pengajar, memperbaiki jadual pembelajaran, dan memberikan perhatian lebih kepada aspek kualiti bacaan dan pemahaman tajwid. Penglibatan aktif ibu bapa dalam mendidik anak-anak di rumah juga amat penting untuk memastikan kesinambungan dan keberkesanan pembelajaran al-Quran. Dengan pendekatan yang komprehensif dan menyeluruh, kita dapat melahirkan generasi yang bukan sahaja mahir dalam membaca al-Quran, tetapi juga memahami dan menghayati ajarannya dengan mendalam, sekaligus membentuk individu yang berakhlak mulia dan beriman teguh.

2. Kajian Literatur

Asasnya, al-Quran bermakna bacaan dan merupakan hasil daripada kalimah *qara'a, yaqra'u, quran quranan* yang membawa maksud himpun (*jama'*). Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama mengenai penulisan kalimah al-Quran. Sebahagian berpendapat penulisan tanpa huruf hamzah (dibaca al-Quran), seperti pandangan al-Syafi'i yang menyatakan bahawa al-Quran bukan *musytaq* (pecahan dari mana-mana kata akar) dan ditulis tanpa huruf hamzah. Menurutnya, al-Quran adalah kata nama yang dikhususkan hanya untuk al-Quran sahaja (Salih, 1991). Kalimah *qara'a* bermaksud *tala'a* (membaca) dipetik oleh orang-orang Arab dari bahasa Aramia dan ia digunakan dalam perbualan harian. Kalimah *qara'a* tersebut juga membawa maksud menghimpun huruf-huruf dan kalimah-kalimah dalam bacaan (Manna' Khalil, 1981). Manakala menurut Al-Zafzaf (1979) al-Quran ialah kalimah yang digunakan sebagai wahyu kepada Nabi Muhammad SAW.

Terdapat beberapa kajian yang mengemukakan pelbagai teknik pembelajaran dan pengajaran untuk menarik minat kanak-kanak dalam menguasai al-Quran. Salah satu kajian yang dilakukan oleh Md Zin et al. (2014) berfokus pada teknik Iqra' dan teknik Al-Baghdadi yang digunakan dalam sistem pendidikan bacaan al-Quran di Malaysia. Kedua-dua teknik ini dipilih kerana teknik Iqra' merupakan teknik rasmi dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di Malaysia. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Asrol (2012) yang berjudul "Fun Iqra' Alat Bantu Mengajar Baru Di Dalam Pembelajaran Asas Al-Quran Untuk Kanak-Kanak Prasekolah" berfokus pada teknik pembelajaran asas al-Quran untuk kanak-kanak prasekolah. Tujuannya adalah untuk mengenalkan huruf-huruf tunggal hijaiyah kepada

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kanak-kanak prasekolah melalui kaedah Iqra' dan pembelajaran sambil bermain. Pendekatan ini, dikenal sebagai "Fun Iqra'," bertujuan tidak hanya meningkatkan pemahaman, tetapi juga memberikan pengalaman yang lebih menyenangkan di kelas tanpa tekanan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan belajar melalui bermain dengan menggunakan alat bantu mengajar "Fun Iqra'" telah meningkatkan pemahaman kanak-kanak terhadap huruf-huruf tunggal Hijaiyah.

Seterusnya kajian Marlina (2012) berjudul *"Kemampuan Pengenalan Huruf Hijaiyah Pada Santri Yang Belajar Baca-Tulis Al-Quran Dengan Metode Iqra'"* mengkaji kemampuan pengenalan huruf hijaiyah dalam kalangan murid aliran agama yang mempelajari kemahiran membaca al-Quran melalui teknik Iqra'. Seramai 40 orang murid berumur di antara 10 hingga 12 tahun terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa ramai peserta kajian yang menggunakan teknik Iqra' tidak mampu menyebut nama-nama huruf hijaiyah dengan betul, walaupun mereka telah mampu membaca al-Quran dengan baik. Dapatan ini menyoroti kemungkinan adanya jurang dalam pemahaman atau pengenalan huruf secara terperinci walaupun kemahiran membaca al-Quran telah dikuasai. Kajian ini memberi pandangan penting terhadap efektiviti kaedah Iqra' dalam memastikan murid tidak hanya mahir membaca al-Quran tetapi juga memahami dan mengenal huruf hijaiyah secara mendalam. Penekanan terhadap kemahiran pengenalan huruf merupakan aspek yang penting dalam membentuk asas pembelajaran al-Quran yang kukuh dalam kalangan murid.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat peningkatan ketara dalam jumlah institusi pendidikan di Malaysia yang menggabungkan kurikulum akademik dengan program tahfiz al-Quran. Sebagai usaha untuk menyelaraskan dan memperkukuh inisiatif ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Kurikulum Tahfiz Bersepadu (KTB) pada tahun 2015, yang kemudiannya mula dilaksanakan pada tahun berikutnya. Kepelbagaian pendekatan dalam pembangunan modul tahfiz di pelbagai institusi memberikan peluang untuk menilai, memperbaiki, dan akhirnya mengangkat modul-modul ini sebagai amalan terbaik dalam pendidikan al-Quran.

Salah satu kajian penting dalam konteks ini adalah kajian oleh Ahmad Hilmi et al. (2017) yang memperkenalkan modul pendidikan al-Quran PERMATA Insan. Modul ini bersifat holistik dan tidak hanya tertumpu kepada hafazan al-Quran semata-mata. Ia dibangunkan berdasarkan penilaian terhadap modul-modul tahfiz yang sedia ada, dan memberi tumpuan kepada empat aspek utama. Pertama, modul ini bertujuan memenuhi hak-hak al-Quran terhadap manusia, merangkumi aspek seperti *al-qiraat, al-hifz, al-fahm, al-'amal*, dan *al-tabligh*. Kedua, ia mengaplikasikan pendekatan VARK (*Visual, Aural, Read/write,* dan *Kinesthetic*), yang mengambil kira pelbagai gaya pembelajaran pelajar. Ketiga, modul ini dirangka dengan pendekatan sistem pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar pintar berbakat melalui Model Kepintaran Berbeza (*Differentiated Model of Giftedness and Talent* - DMGT). Keempat, modul ini turut menggunakan teknologi semasa untuk mempertingkatkan keberkesanan pembelajaran.

Modul PERMATA Insan ini merangkumi kemahiran yang lebih mendalam seperti mengingat, memahami, menggunakan, dan menganalisis, selaras dengan Taksonomi Bloom. Pelaksanaannya diharap dapat menjadi panduan dan contoh terbaik bagi institusi pendidikan lain yang bercadang untuk melaksanakan program pendidikan al-Quran dalam sistem akademik mereka. Dengan adanya modul ini, pendidikan al-Quran di Malaysia dijangka akan terus berkembang dan menghasilkan graduan yang bukan sahaja mahir

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dalam hafazan tetapi juga cemerlang dalam pemahaman dan pengamalan al-Quran dalam kehidupan seharian.

Apa yang dapat disimpulkan bahawa, kajian dalam pembelajaran al-Quran, seperti masalah keciciran, ketidakmahiran mengenal huruf dan baris dan salah faham terhadap konsep pembelajaran al-Quran. Keciciran dan kelemahan dalam kemahiran membaca al-Quran berkait rapat dengan ketiadaan asas yang kukuh dan kurang perhatian sejak di peringkat sekolah rendah lagi. Beberapa kajian juga mengemukakan teknik pembelajaran yang berbeza untuk meningkatkan minat kanak-kanak dalam menguasai al-Quran. Teknik Iqra' dan teknik Al-Baghdadi seperti yang dibincangkan dalam kajian Md Zin et al. (2014), memberi fokus kepada kemahiran membaca al-Quran dalam kurikulum Malaysia.

Pendekatan bermain melalui teknik "Fun Iqra'" yang diperkenalkan oleh Asrol (2012) turut memberikan pengalaman yang lebih menyeronokkan dalam pembelajaran tanpa tekanan, meningkatkan pemahaman huruf hijaiyah dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Walau bagaimanapun, Marlina (2012) menunjukkan dalam kajiannya mengenai kemampuan pengenalan huruf hijaiyah dalam kalangan pelajar aliran agama melalui teknik Iqra' bahawa terdapat peserta kajian yang tidak mampu menyebut nama-nama huruf hijaiyah dengan betul. Ini menonjolkan keperluan untuk memahami huruf secara mendalam walaupun kemahiran membaca al-Quran telah dikuasai.

Kajian tentang modul PERMATA Insan menunjukkan langkah positif dalam meningkatkan pendidikan al-Quran di Malaysia. Modul tersebut, yang bersifat holistik, menekankan hak-hak al-Quran terhadap manusia, pendekatan VARK, model DMGT, dan penggunaan teknologi semasa. Ini memberikan landasan kuat untuk pendidikan al-Quran yang lebih berkualiti dan menyeluruh. Secara keseluruhan, analisis perkembangan pembelajaran al-Quran menunjukkan keperluan untuk menyelidik dan memperbaiki pendekatan pengajaran dan pembelajaran al-Quran dalam usaha meningkatkan keberkesanan penguasaan kemahiran asas bacaan al-Quran di Malaysia.

3. Metod Kajian

Modul Meta-Siqra' dilaksanakan dalam persekitaran sebenar dengan melibatkan kanak-kanak sebagai peserta kajian utama. Sepanjang proses pelaksanaan modul, penyelidik mengumpulkan data yang merangkumi reaksi peserta, pencapaian pembelajaran, perubahan tingkah laku, dan hasil akhir. Data ini digunakan untuk menilai keberkesanan modul dalam mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan. Penilaian formatif dijalankan secara berterusan sepanjang modul berlangsung, memberikan maklum balas terkini kepada peserta dan penyelidik. Setelah modul selesai, ujian pra dan pos dijalankan untuk menilai hasil pembelajaran dan prestasi peserta dalam aktiviti pembelajaran yang telah disediakan.

Penyelidik juga mendapatkan maklum balas daripada peserta, guru, dan pihak berkepentingan lain yang terlibat. Maklum balas ini merangkumi pandangan mereka mengenai kelebihan dan kelemahan modul serta cadangan untuk penambahbaikan. Berdasarkan analisis data yang dikumpulkan dan maklum balas yang diterima, penyelidik menyemak semula Modul Meta-Siqra' dengan melakukan penyesuaian dan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan modul tersebut.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3.1. Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan pendekatan kuasi-eksperimen, yang merupakan bentuk kajian separa eksperimen dan melibatkan dua kumpulan utama, iaitu kumpulan kawalan (KK) dan kumpulan rawatan (KR). Kajian kuasi-eksperimen dijalankan dalam persekitaran yang lebih realistik berbanding eksperimen penuh, yang biasanya dilakukan dalam makmal dengan kawalan ketat terhadap pemboleh ubah.

Dalam kajian ini, kedua-dua kumpulan menjalani ujian pra-eksperimen untuk menilai tahap asas kebolehan atau keupayaan mereka. Ini penting untuk memastikan bahawa kedua-dua kumpulan bermula pada tahap yang hampir sama sebelum intervensi diberikan. Kumpulan kawalan menjalani proses kajian seperti biasa tanpa sebarang intervensi, manakala kumpulan rawatan menerima pemboleh ubah tak bersandar yang dikaji. Setelah intervensi selesai, kedua-dua kumpulan menjalani ujian pos-eksperimen untuk menilai kesan intervensi. Perbandingan antara keputusan ujian pos-eksperimen bagi kumpulan kawalan dan rawatan membantu menilai kesan pemboleh ubah yang dikaji. Pendekatan ini membolehkan penyelidik memahami hubungan sebab dan akibat dalam situasi di mana kajian eksperimen penuh mungkin tidak praktikal.

Dalam kajian ini, sampel dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama adalah kumpulan kawalan yang akan melalui proses pengajaran dan pembelajaran seperti biasa dalam kelas. Kumpulan kedua adalah sampel yang akan melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran menggunakan modul intervensi Meta-Siqra'. Modul Meta-Siqra' merupakan pemboleh ubah tak bersandar, manakala pencapaian kanak-kanak dalam bacaan al-Quran merupakan pemboleh ubah bersandar. Kajian kuasi-eksperimen ini bertujuan untuk melihat sejauh mana penggunaan modul intervensi Meta-Siqra' (pemboleh ubah tak bersandar) dapat dimanipulasikan untuk memberi kesan kepada pencapaian kanak-kanak dalam pembelajaran al-Quran (pemboleh ubah bersandar). Data dianalisis untuk memperoleh hasil akhir dari borang soal selidik yang diedarkan. Kajian ini dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) for Windows versi 27.0. Terdapat dua bentuk analisis yang digunakan, iaitu analisis deskriptif dan analisis kekerapan.

i. Analisis ujian pra
ii. Analisis ujian pra bagi kaedah biasa dan dibandingkan dengan ujian pos
iii. Analisis ujian pra bagi modul Meta-Siqra' dan dibandingkan dengan ujian pos
iv. Analisis ujian pra dan pos bagi Meta-Siqra' berbanding ujian pra dan pos bagi Kaedah biasa.

Jadual 1 menunjukkan aspek yang dianalisis kaedah analisis data berdasarkan objektif fasa penilaian yang ditetapkan. Bagi kesemua objektif kajian, kaedah analisis deskriptif menggunakan skor min digunakan di samping merujuk kepada sisihan piawai bagi setiap skor.

Jadual 1: Kaedah Analisis Data

Objektif fasa penilaian	Kaedah Analisa
Analisis skor min ujian pra kumpulan kawalan	Analisis Deskriptif
Analisis skor min ujian pra kumpulan eksperimen	
Analisis skor min ujian pos - Analisis skor min ujian pos kumpulan kawalan	

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

- Analisis skor min ujian pos kumpulan eksperimen	-Min Purata
Analisis perbandingan ujian pra dan pos	-Sisihan Piawai
- Analisis perbandingan ujian pra dan pos kumpulan kawalan	
- Analisis perbandingan ujian pra dan pos kumpulan eksperimen	
- Analisis perbandingan ujian pra dan pos kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen	

Tafsiran skor penilaian bagi data dalam kajian ini dirujuk kepada Jadual 2, di mana skor dikategorikan kepada tiga tahap utama. Skor antara 1.00 hingga 2.33 dianggap sebagai tahap rendah, menunjukkan prestasi atau penilaian yang kurang memuaskan. Skor dalam julat 2.34 hingga 3.66 diklasifikasikan sebagai tahap sederhana, yang menunjukkan prestasi atau penilaian yang berada pada tahap pertengahan. Manakala, skor antara 3.67 hingga 5.00 adalah pada tahap tinggi, menandakan prestasi atau penilaian yang cemerlang atau sangat memuaskan. Kategori-kategori ini membantu dalam menilai dan menginterpretasikan data dengan lebih jelas dan bermakna, membolehkan para penyelidik untuk memahami tahap pencapaian atau persepsi responden terhadap aspek yang dinilai.

Jadual 2: Ukuran Tahap Skor Min

Skor Min	Tahap Penguasaan Kemahiran
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

3.2. Populasi dan Sampel Kajian

Merujuk kepada kajian ini, kumpulan sampel adalah dipilih daripada kalangan kanak-kanak yang berumur antara 10 hingga 12 tahun, yang sedang mempelajari asas al-Quran. Seramai 437 orang murid sekolah rendah dari negeri Sabah, Johor, Kelantan, Terengganu, Perak, dan Melaka dipilih menjadi sampel kajian. Penyelidik menggunakan kaedah pensampelan bertujuan (*Purposive Sampling*) dan memerlukan beberapa buah sekolah yang menepati syarat sampel yang telah ditetapkan.


Untuk memenuhi tujuan tersebut, penyelidik telah memilih lokasi kajian berdasarkan kesediaan sampel di setiap lokasi. Pemilihan lokasi kajian ini didasarkan pada beberapa pertimbangan, iaitu: (1) lokasi tersebut harus memenuhi kriteria yang telah ditetapkan untuk sampel kajian dan syarat-syarat pelaksanaan kajian, serta memudahkan kelancaran pelaksanaan kajian ini, dan (2) pemilihan dilakukan dengan mempertimbangkan faktor-faktor pengurusan, seperti aksesibiliti dari pentadbiran sekolah, kemudahan pengurusan, pengetahuan dan pengalaman guru pembimbing, serta kesesuaian dengan jadual sekolah.

Oleh itu, sekolah rendah di negeri Johor, Kelantan, Terengganu, Perak, Melaka, dan Sabah telah dipilih sebagai lokasi kajian, namun sekolah daripada negeri Sabah terpaksa digugurkan dari senarai sampel kerana guru yang terlibat dalam kajian ini telah berpindah ke semenanjung Malaysia. Penyelidik telah memilih 8 buah sekolah yang telah memenuhi tujuan kajian (Purposive Sampling), iaitu memiliki sekurangnya 5 orang guru Pendidikan Islam yang telah bersetuju terlibat secara sukarela sebagai guru bimbingan yang turut melaksanakan pendekatan yang terdapat dalam modul ketika proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) waktu pembelajaran al-Quran (Tasmi') selama 1 jam seminggu. Penyelidik menetapkan tempoh kajian selama 3 bulan dengan 15 jam kumulatif serta

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mendapat sokongan sepenuhnya daripada pihak pentadbir untuk melaksanakan kajian ini yang melibatkan guru dan murid. Strategi pemilihan lokasi dilakukan seperti Rajah 1.

Rajah 1 : Pemilihan lokasi kajian



Kesahan ekologi perlu berada dalam kawalan untuk mengurangkan ancaman terhadap kesahan luaran, menurut Idris (2010), kesahan ekologi ini memainkan peranan penting dan berhubung rapat dengan persekitaran penyelidikan eksperimen. Kesemua murid mempunyai kemampuan dan kemahiran rendah dan sederhana dalam pembacaan al-Quran.

3.3. Instrumen Kajian

Untuk menjalankan kajian ini, penyelidik menggunakan soalan Ujian Pra dan Ujian Pos sebagai alat kajian yang sesuai. Ujian Pra dilaksanakan sebelum sampel kajian menerima rawatan. Ujian Pra dan Ujian Pasca merupakan lembaran yang sama, digunakan untuk melihat perbezaan sebelum dan selepas penggunaan kaedah Meta-Siqra'. Setelah kajian dilakukan untuk jangka masa yang ditetapkan, Ujian Pasca dilakukan untuk menilai sejauh mana kajian ini mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan. Kedua-dua ujian ini mengandungi 21 soalan yang berkaitan dengan kemahiran asas dalam pembelajaran al-Quran. Jadual 3 menunjukkan 21 tajuk kemahiran yang terdapat dalam Meta-Siqra'.

Jadual 3: Kemahiran Modul Meta-Siqra’

Bil	Topik
1.	Huruf hijaiyyah Tunggal berbaris Fathah mengikut urutan
2.	Huruf hijaiyyah Tunggal berbaris Fathah secara rawak
3.	Huruf bersambung
4.	Bacaan panjang dua harakat (Fathah)
5.	Baris kasrah
6.	Bacaan panjang dua harakat (kasrah)
7.	Baris Dhommah

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

8. Bacaan panjang dua harakat (Dhommah)
9. Tanwin berbaris Fathah
10. Tanwin berbaris kasrah
11. Tanwin berbaris Dhommah
12. Mad Lin Ya'
13. Mad Lin wau
14. Huruf sakinah
15. Bacaan ketika wakaf
16. Huruf Alif Wasal yang dianggap tiada pada bacaan
17. Huruf wau yang dianggap tiada pada bacaan dan Tanda bacaan panjang lebih dari dua harakat
18. Syaddah
19. Mim sakinah bertemu Ba'
20. Nun sakinah bertemu huruf Ra dan Lam
21. Bacaan Mad Enam Harakat

Penyelidik menggunakan skala 1-5 untuk menentukan tahap penguasaan murid terhadap kemahiran membaca kalimah al-Quran dan Meta-Siqra' seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Skala Penilaian dan tahap

1	2	3	4	5
Sangat Lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Sangat Baik

Jadual 5 menunjukkan penilaian kemahiran membaca huruf hijaiyah menggunakan skala dari 1 hingga 5, dengan setiap tahap mempunyai ciri-ciri utama yang berbeza.

Jadual 5: Tahap penguasaan murid terhadap kemahiran membaca kalimah al-Quran

Skala	Ciri-Ciri Utama	Kategori
1	• Tidak dapat mengenali huruf hijaiyyah tunggal dengan sebutan dan vokalnya • Boleh mengenali huruf hijaiyyah tunggal tetapi kadangkala huruf tersebut bertukar • Boleh membaca huruf hijaiyyah tunggal tetapi tidak boleh membaca huruf bersambung	Sangat Lemah
2	• Boleh membaca huruf bersambung tetapi terhad kepada 3 hingga 4 huruf • Boleh membaca huruf bersambung tetapi makhrajnya masih salah atau bertukar • Boleh membaca huruf bersambung tetapi perlahan-lahan atau terhenti-henti	Lemah
3	• Boleh membaca huruf bersambung dengan lancar dan betul • Bacaan tidak perlahan atau terhenti • Aplikasi Tajwid masih salah	Sederhana
4	• Boleh membaca huruf bersambung dengan lancar dan betul • Boleh membaca dengan makhraj yang betul • Aplikasi Tajwid dengan betul • Mengetahui serba sedikit tentang teori Tajwid	Baik

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

5	• Boleh membaca huruf bersambung dengan lancar dan betul • Boleh membaca dengan makhraj yang betul • Aplikasi Tajwid dengan betul • Fahami teori Tajwid • Boleh membaca al-Quran dengan berirama	Sangat Baik

Sangat Lemah (Skala 1): Pada tahap ini, pelajar tidak dapat mengenali huruf hijaiyah tunggal dengan sebutan dan vokalnya. Walaupun ada yang boleh mengenali huruf hijaiyah tunggal, kadangkala mereka bertukar huruf tersebut. Terdapat juga pelajar yang boleh membaca huruf hijaiyah tunggal tetapi tidak boleh membaca huruf bersambung. Secara keseluruhan, pelajar pada tahap ini menunjukkan kemahiran yang sangat rendah dalam membaca huruf hijaiyah.

Lemah (Skala 2): Pelajar pada tahap ini boleh membaca huruf bersambung tetapi terhad kepada tiga hingga empat huruf sahaja. Mereka juga mungkin membaca huruf bersambung tetapi dengan makhraj yang salah atau bertukar-tukar. Selain itu, bacaan mereka mungkin perlahan-lahan atau terhenti-henti. Tahap kemahiran mereka menunjukkan peningkatan berbanding tahap sangat lemah, namun masih memerlukan banyak bimbingan dan latihan.

Sederhana (Skala 3): Pada tahap ini, pelajar boleh membaca huruf bersambung dengan lancar dan betul. Bacaan mereka tidak perlahan atau terhenti. Namun, aplikasi Tajwid mereka masih salah. Ini menunjukkan bahawa pelajar telah menguasai asas-asas bacaan huruf hijaiyah bersambung, tetapi memerlukan pemahaman dan aplikasi yang lebih baik dalam Tajwid.

Baik (Skala 4): Pelajar pada tahap ini boleh membaca huruf bersambung dengan lancar dan betul serta dengan makhraj yang betul. Mereka juga boleh mengaplikasikan Tajwid dengan betul dan mengetahui serba sedikit tentang teori Tajwid. Tahap ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kemahiran yang baik dalam membaca huruf hijaiyah bersambung dan asas tajwid, namun masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam memahami hukum Tajwid dengan lebih mendalam.

Sangat Baik (Skala 5): Pada tahap ini, pelajar boleh membaca huruf bersambung dengan lancar dan betul serta dengan makhraj yang betul. Mereka juga boleh mengaplikasikan Tajwid dengan betul, memahami teori Tajwid, dan boleh membaca al-Quran dengan berirama. Pelajar pada tahap ini menunjukkan penguasaan yang sangat baik dalam kemahiran membaca huruf hijaiyah dan tajwid, serta mempunyai kebolehan tambahan untuk membaca al-Quran dengan irama yang tepat dan indah.

Jadual 6 menunjukkan skala serta item soalan yang digunakan untuk menentukan kategori tahap pencapaian sampel kajian.

Jadual 6: Skala berdasarkan item soalan

Skala	Item Soalan	Kategori
1	S1 dan S2	Sangat Lemah
2	S1, S2 dan S3	Lemah

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3	S1, S2, S3, S4, S5, S6, S7 dan S8	Sederhana
4	S1, S2, S3, S4, S5, S6, S7, S8, S9, S10, S11, S12, S13, S14, S15, S16 dan S17.	Baik
5	S1, S2, S3, S4, S5, S6, S7, S8, S9, S10, S11, S12, S13, S14, S15, S16, S17, S18, S19, S20 dan S21	Sangat Baik

4. Dapatan Kajian

Bahagian ini menggambarkan analisis perbandingan antara ujian pra bagi kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Analisis ini memberikan gambaran tentang perkembangan dan kesan intervensi atau kaedah pembelajaran terhadap penguasaan kemahiran al-Quran dalam kalangan kanak-kanak dari kedua-dua kumpulan. Dalam kumpulan kawalan, skor minimum ujian pra menunjukkan prestasi yang masih berada pada tahap rendah, dengan skor minimum keseluruhan sebanyak 1.54. Perbandingan dengan ujian pra menunjukkan peningkatan, tetapi prestasi yang rendah masih menunjukkan keperluan untuk usaha lebih lanjut dalam pembelajaran. Sementara itu, kumpulan eksperimen menunjukkan peningkatan yang lebih positif, dengan skor minimum ujian pra sebanyak 2.84, yang berada pada kategori sederhana. Perbandingan ini menunjukkan bahawa intervensi atau kaedah pembelajaran yang diterapkan pada kumpulan eksperimen mungkin memberikan kesan yang lebih positif dalam perkembangan penguasaan kemahiran al-Quran.

Analisis perbandingan juga dapat difokuskan pada setiap item ujian, memberikan pencerahan mengenai aspek-aspek tertentu dalam kemahiran al-Quran yang mungkin mengalami peningkatan atau penurunan dalam kedua-dua kumpulan. Ini dapat memberikan panduan yang berguna untuk merancang strategi pembelajaran yang lebih efektif dan merinci keperluan pemahaman dan latihan tambahan. Secara keseluruhan, analisis perbandingan ujian pra dan pos antara kumpulan kawalan dan eksperimen memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang kesan intervensi atau kaedah pembelajaran terhadap perkembangan kemahiran al-Quran dalam kalangan kanak-kanak. Hasil analisis ini dapat membimbing penyelidikan lanjut dan penyelarasan strategi pembelajaran untuk memaksimumkan keberkesanan pendekatan yang diterapkan.

Analisis perbandingan juga dapat difokuskan pada setiap item ujian, memberikan pemahaman tentang aspek-aspek tertentu dalam kemahiran al-Quran yang mungkin mengalami peningkatan atau penurunan dalam kedua-dua kumpulan. Ini dapat memberikan panduan yang berguna untuk merancang strategi pembelajaran yang lebih efektif dan merinci keperluan pemahaman dan latihan tambahan. Secara keseluruhan, analisis perbandingan ujian pra dan pos antara kumpulan kawalan dan eksperimen memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang kesan intervensi atau kaedah pembelajaran terhadap perkembangan kemahiran al-Quran dalam kalangan kanak-kanak. Hasil analisis ini dapat membimbing penyelidikan lanjut dan penyelarasan strategi pembelajaran untuk memaksimumkan keberkesanan pendekatan yang diterapkan.

4.1. Perbandingan Ujian Pra dan Pos

Bahagian ini menggambarkan analisis perbandingan antara ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan kawalan serta kumpulan eksperimen. Analisis ini memberikan gambaran tentang perkembangan dan kesan intervensi atau kaedah pembelajaran terhadap penguasaan kemahiran al-Quran dalam kalangan kanak-kanak dari kedua-dua kumpulan. Dalam kumpulan kawalan, skor min ujian pos menunjukkan prestasi yang masih berada pada tahap rendah, dengan skor min keseluruhan sebanyak 1.54. Perbandingan dengan ujian pra

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menunjukkan peningkatan, tetapi prestasi yang rendah masih menunjukkan keperluan untuk usaha lebih lanjut dalam pembelajaran. Sementara itu, kumpulan eksperimen menunjukkan peningkatan yang lebih positif, dengan skor min ujian pos sebanyak 2.84, yang berada pada kategori sederhana. Perbandingan ini menunjukkan bahawa intervensi atau kaedah pembelajaran yang diterapkan pada kumpulan eksperimen mungkin memberikan kesan yang lebih positif dalam perkembangan penguasaan kemahiran al-Quran.

Analisis perbandingan juga dapat memfokuskan kepada setiap item ujian, memberikan pencerahan mengenai aspek-aspek tertentu dalam kemahiran al-Quran yang mungkin mengalami peningkatan atau penurunan dalam kedua-dua kumpulan. Ini dapat memberikan panduan yang berguna untuk merancang strategi pembelajaran yang lebih efektif dan merinci keperluan pemahaman dan latihan tambahan. Keseluruhannya, analisis perbandingan ujian pra dan pos antara kumpulan kawalan dan eksperimen memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang kesan intervensi atau kaedah pembelajaran terhadap perkembangan kemahiran al-Quran dalam kalangan kanak-kanak. Hasil analisis ini dapat membimbing penyelidikan lanjut dan penyelarasan strategi pembelajaran untuk memaksimumkan keberkesanan pendekatan yang diterapkan.

4.1.1. Perbandingan Ujian Pra dan Pos Kumpulan Kawalan

Analisis perbandingan skor ujian pra dan pos untuk kumpulan kawalan menunjukkan variasi dalam perkembangan penguasaan kemahiran al-Quran. Pada tahap pra, kumpulan kawalan menunjukkan prestasi yang masih rendah, dengan skor min keseluruhan sebanyak 1.70. Terdapat peningkatan yang dapat dilihat dalam skor pos, dengan skor min keseluruhan mencapai 2.15. Meskipun terdapat peningkatan, prestasi yang masih berada pada kategori rendah menandakan keperluan untuk strategi pembelajaran yang lebih efektif.

Secara terperinci, untuk item-item seperti Huruf hijaiyah Tunggal berbaris Fathah (S1 dan S2), terdapat peningkatan yang signifikan dari pra ke pos, menunjukkan kemajuan dalam penguasaan huruf-huruf tersebut. Namun, untuk item seperti Bunyi Huruf Sakinah yang hampir sama (S17) dan Alif Lam Shamsiyyah (S20), skor pos berada pada tahap yang rendah, menandakan kesulitan dalam memahami hukum tajwid yang lebih kompleks.

Analisis mendalam pada setiap item juga menunjukkan keperluan untuk lebih memberi tumpuan kepada kemahiran tertentu. Sebagai contoh, pada item *qalqalah* (S16), skor pos menunjukkan peningkatan, tetapi masih berada pada tahap rendah. Oleh itu, strategi pembelajaran yang lebih fokus pada hukum tajwid ini mungkin diperlukan untuk meningkatkan penguasaan kanak-kanak. Keseluruhan, analisis ini memberikan pandangan terhadap perkembangan penguasaan kemahiran al-Quran dalam kalangan kumpulan kawalan. Peningkatan yang dicapai menunjukkan potensi untuk kemajuan lebih lanjut dengan penggunaan strategi pembelajaran yang lebih diselaraskan dan berfokus.

Kesimpulannya, kumpulan sampel kawalan menunjukkan peningkatan yang sederhana dalam penguasaan kemahiran dari empat kemahiran dalam ujian pra menjadi sembilan kemahiran dalam ujian pos. Kemahiran yang mencatat peningkatan termasuk mengenal huruf hijaiyah tunggal berbaris *fathah* mengikut urutan, mengenal huruf hijaiyah tunggal berbaris *fathah* secara rawak, mengenal huruf bersambung berbaris *fathah*, mengenal *mad asli* berbaris *fathah,* mengenal huruf bersambung berbaris *kasrah*, mengenal *mad asli* berbaris *kasrah,* mengenal huruf bersambung berbaris *dhommah*, mengenal *mad asli* berbaris *dhommah*, dan mengenal *tanwin* berbaris *fathah*. Graf jurang perbezaan antara ujian pra dan pos dalam Rajah 2 menunjukkan peningkatan,

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

terutamanya pada item-item 1 hingga 16, namun berlaku penurunan pada item 17 hingga 21. Analisis tersebut menggambarkan sebuah pola prestasi di antara ujian pra dan pos yang menunjukkan peningkatan dan penurunan prestasi pada item tertentu. Terdapat peningkatan prestasi pada item-item 1 hingga 16, menandakan kemajuan dalam pemahaman atau penguasaan konsep-konsep yang diukur oleh item-item tersebut setelah pelaksanaan program.

Rajah 2: Graf Min Ujian Pra dan Pos Kumpulan Kawalan



Sisi yang lain, terdapat penurunan prestasi pada item-item 17 hingga 21, menandakan kelemahan dalam pemahaman atau penguasaan konsep-konsep tertentu setelah pelaksanaan program. Untuk mengatasi pola ini, diperlukan dua langkah utama. Pertama, perlu dilakukan peningkatan dalam penyampaian materi atau pengajaran untuk memastikan pemahaman yang lebih baik oleh kanak-kanak. Hal ini dapat melibatkan penggunaan strategi pengajaran yang lebih interaktif, bahan bacaan tambahan, atau tutorial tambahan untuk mengatasi kelemahan dalam pemahaman. Kedua, diperlukan penguatan konsep-konsep yang memperlihatkan penurunan prestasi. Boleh dilakukan dengan memberikan penekanan tambahan pada konsep-konsep tersebut dalam latihan atau pengajaran ulang secara lebih mendalam. Selain itu, evaluasi terperinci juga diperlukan untuk mengidentifikasi faktor-faktor yang mungkin menjadi penyebab penurunan prestasi pada item-item tertentu.

4.1.2. Perbandingan Ujian Pra dan Pos Kumpulan Eksperimen


Bagi menjawab persoalan kajian ketiga iaitu mengenal pasti perbezaan pencapaian kumpulan sampel eksperimen sebelum dan selepas menggunakan modul Meta-Siqra' analisis skor min antara kedua-dua Ujian Pra dan Pos bagi sampel kumpulan ini dijalankan. Skor min keseluruhan ujian pra juga adalah rendah iaitu 1.38. Dalam ujian pos kumpulan sampel eksperimen menunjukkan peningkatan yang sangat ketara di mana pencapaian 4 item pertama (1-4) menunjukkan tahap tinggi, 12 item (5 – 16) menunjukkan tahap sederhana dan hanya 5 item (17 – 21) menunjukkan tahap rendah. Skor min keseluruhan Ujian Pos juga menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu 2.84 iaitu berada pada tahap sederhana berbanding hanya 1.38 skor min keseluruhan dalam Ujian Pra.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Analisis skor min ujian pra dan pos kumpulan eksperimen menunjukkan perkembangan yang signifikan dalam penguasaan kemahiran al-Quran. Pada tahap ujian pra, kumpulan eksperimen menunjukkan prestasi yang rendah, dengan skor min keseluruhan sebanyak 1.38. Namun, melalui intervensi atau kaedah pembelajaran yang diterapkan, terdapat peningkatan yang ketara dalam penguasaan kemahiran, dengan skor min keseluruhan ujian pos mencapai 2.84. Secara khususnya, terdapat peningkatan yang mendadak pada setiap item ujian. Sebagai contoh, untuk item huruf hijaiyah tunggal berbaris *fathah* mengikut urutan (S1), skor min meningkat dari 2.00 pada ujian pra menjadi 4.00 pada ujian pos. Peningkatan yang serupa dapat dilihat pada sebilangan besar item lain seperti Huruf bersambung berbaris Dhommah (S7) dan Tanwin berbaris Fathah (S9). Analisis keseluruhan menunjukkan bahawa kumpulan eksperimen telah mencapai perkembangan yang signifikan dalam penguasaan kemahiran al-Quran selepas melalui intervensi atau pembelajaran. Peningkatan skor min secara keseluruhan dari rendah (1.38) pada ujian pra kepada sederhana (2.84) pada ujian pasca menunjukkan keberkesanan kaedah atau intervensi yang telah diterapkan. Hal ini menunjukkan potensi untuk peningkatan lebih lanjut dalam penguasaan kemahiran al-Quran dengan terus menerapkan strategi pembelajaran yang sesuai dan berfokus.

Rajah 3 menggambarkan graf jurang perbezaan antara Ujian Pra dan Pos bagi kumpulan eksperimen. Analisis graf ini memberikan gambaran yang jelas mengenai peningkatan prestasi dalam penguasaan kemahiran al-Quran selepas melalui intervensi. Graf menunjukkan jurang yang signifikan antara skor Ujian Pra dan Pos bagi kesemua item ujian.

Rajah 3: Graf Min Ujian Pra dan Pos Kumpulan Eksperimental




Secara keseluruhan, terdapat peningkatan yang konsisten dalam skor dari ujian pra ke ujian pos. Item-item 1 hingga 16 menunjukkan peningkatan yang lebih besar berbanding item-item 17 hingga 21, menunjukkan bahawa item-item awal adalah lebih mudah untuk ditingkatkan penguasaannya. Pentingnya untuk dicatat bahawa peningkatan yang lebih ketara pada item-item awal ini mungkin disebabkan oleh kesan positif daripada kaedah pembelajaran atau intervensi yang diterapkan pada permulaan kursus. Peningkatan yang lebih rendah pada item-item 17 hingga 21 mungkin disebabkan oleh kesukaran yang lebih tinggi atau sifat kompleks kemahiran yang diperlukan untuk item-item tersebut. Secara keseluruhan, Rajah 3 memberikan pandangan visual yang membantu dalam memahami perbezaan prestasi antara ujian pra dan pos kumpulan eksperimen, serta menunjukkan keberkesanan intervensi atau kaedah pembelajaran yang telah diterapkan.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4.1.3. Perbandingan Ujian Pos Kumpulan Kawalan dan Eksperimen

Data skor Ujian Pos bagi kumpulan sampel kawalan dalam Rajah 4 menunjukkan penguasaan tahap sederhana bagi item 1 sehingga 9 dan tahap rendah bagi item selebihnya. Skor min keseluruhan kumpulan sampel kawalan mencatatkan 2.15 iaitu berada pada tahap yang rendah. Manakala data skor Ujian Pos bagi kumpulan sampel eksperimen mencatatkan skor min yang tinggi bagi item-item 1 hingga 4, skor min sederhana bagi item-item 5 hingga dan 16 dan skor min rendah bagi item 17 hingga 21. Analisis skor minimum ujian pos bagi kumpulan kawalan dan eksperimen menunjukkan perbandingan prestasi dalam penguasaan kemahiran al-Quran. Pada keseluruhan, kedua-dua kumpulan menunjukkan peningkatan skor min dari ujian pra, namun, terdapat perbezaan yang perlu diberi perhatian. Bagi kumpulan kawalan, skor min ujian pos adalah 2.15, menunjukkan tahap penguasaan yang masih rendah. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan yang konsisten dalam skor min untuk kesemua 21 item ujian. Item-item awal seperti huruf hijaiyah tunggal berbaris fathah mengikut urutan (S1) dan huruf hijaiyah tunggal berbaris fathah secara rawak (S2) menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan, mencapai tahap sederhana dan tinggi.

Rajah 4: Graf Min Ujian Pos Kumpulan Kawalan dan Eksperimental



Di sisi lain, kumpulan eksperimen menunjukkan peningkatan yang lebih ketara dengan skor min ujian pos sebanyak 2.84, mencapai tahap sederhana. Item-item yang awal seperti huruf bersambung berbaris fathah (S3) dan mad asli fathah (S4) mencapai tahap tinggi, menunjukkan keberkesanan intervensi atau kaedah pembelajaran yang diterapkan. Walau bagaimanapun, perbandingan antara kedua-dua kumpulan menunjukkan bahawa kumpulan eksperimen mencapai prestasi yang lebih baik dalam keseluruhan skor min ujian pos. Ini menandakan bahawa intervensi atau kaedah pembelajaran yang diterapkan pada kumpulan eksperimen memberikan impak yang positif dalam meningkatkan penguasaan kemahiran al-Quran berbanding dengan pendekatan biasa yang diterapkan pada kumpulan kawalan. Perincian analisis item per item turut menunjukkan perbezaan yang konsisten di mana kumpulan eksperimen mendahului prestasi kumpulan kawalan.

5. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa kumpulan eksperimen mencapai prestasi yang lebih baik berbanding kumpulan kawalan dalam kemahiran al-Quran yang

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

diuji. Data yang diperoleh dari Ujian Pra dan Pos menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam skor minimum dan skor setiap sampel antara kedua-dua kumpulan. Analisis mendalam terhadap hasil Ujian Pos menggariskan kelebihan prestasi yang konsisten bagi kumpulan eksperimen.

Kesimpulan ini menunjukkan kepentingan untuk melaksanakan penyelidikan lanjutan, terutamanya dalam aspek-aspek spesifik yang dikenal pasti dalam kajian ini. Hasil kajian ini memberikan panduan yang berharga untuk peningkatan pendekatan dan strategi dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran di masa akan datang.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Pengarang mengucapkan ribuan terima kasih kepada penerbit dan juga pengarang bersama kerana telah bersama-sama menggarap idea untuk artikel ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Ahmad Hilmi, A. B., Zakaria, Z., & Spaw, M. (2017). Pembinaan Modul Pendidikan Al-Quran Untuk Pelajar Pintar Berbakat: Model Permata Insan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE), 1*(1).

Al-Zafzaf, M. (1979). *al-Ta'rif bi al-Quran wa al-Hadith* (3rd ed.). TP: Maktabah al-Falah.

Asrol Hasan. (2012). *Fun Iqra'- Alat Bantu Mengajar Baru di dalam Pembelajaran Asas al-Quran untuk Kanak-Kanak Pra sekolah*. Malaysian Education Deans's Concil (MEDC).

Azarudin Awang, & Azman Che Mat. (2017). *Tahap Pembacaan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Di Uitm Terengganu*. UiTM Terengganu, Malaysia.

Bhasah Abu Bakar, Mohd Nafiruddin Mad Siadid, Abdul Jadid Suwairi, Safaruddin Urusli, Azlan Deris, Mohd Yusof, & Mahyuddin. (2012). *Persepsi Pelajar Tingkatan 1 Terhadap Keberkesanan Program j-QAF*. (Laporan Kajian). Universiti Sains Islam Malaysia.

Hackett, C., Connor, P., Stonawski, M., Skirbekk, V., Potancokova, M., & Abel, G. (2015). *The future of world religions: Population growth projections, 2010-2050*. Washington, DC: Pew Research Center.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Idris, N. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.

Md Zin, N., Ariffin, S., & Yusoff, N. (2014). Keberkesanan Teknik Iqra' dan Al-Baghdadi: Suatu Perbandingan. *Jurnal Usuluddin, 40*(Julai – Disember), 51-69.

Manna' Khalil al-Qattan. (1981). *Mabahith fi 'Ulum al-Quran* (c2). Riyal: Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr wa al-Tauzi'.

Marlina Marzuki. (2012). Kemampuan pengenalan huruf Hijaiyah pada santri yang belajar baca-tulis al-Quran dengan metode Iqra. *Jurnal Ekonomi dan Pembangunan, 3*(1), 1-9.

Salih, S. (1991). *Membahas ilmu-ilmu al-Quran* (Tim Pustaka Firdaus, Trans.). Pustaka Firdaus Jakarta.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).